| Headline | UUM buat persedian awal | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 14 Feb 2013 | Language | Malay |
| Circulation | 324,097 | Readership | 1,981,000 |
| Section | Arena | Color | Full Color |
| Page No | 50 | ArticleSize | 349 cm² |
| AdValue | RM 12,889 | PR Value | RM 38,668 |
| | | | |



# UUM buat persedian awal

## 1,200 kakitangan rebut kejuaraan Kejohanan Sukan Staf UUM



PASUKAN lelaki Nicol David juara bola tampar.

SUKAN VARSITI

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di IPTA/IPTS/kolej untuk disiarkan di akhbar ini pada **setiap Khamis**. Artikel serta gambar boleh dihantar ke **sukan@hmetro.com.my**

**Oleh Mustakim Ramli**
**Sintok**

Seramai 1,200 atlet mewakili lima kontinjen berentap merebut kejuaraan Kejohanan Sukan Staf Universiti Utara Malaysia (UUM) Kali Keenam.

Pengarah Pusat Sukan, Shafferi Rejab berkata, kejohanan tahunan bermula 7 Februari hingga 27 Mac ini menyaksikan staf universiti itu mewakili lima kontinjen iaitu Nurul Huda, Mokhtar Dahari, Jegathesan, Misbun Sidek dan Nicol David.

Katanya, 19 acara sukan bakal dipertandingkan iaitu acara bola tampar, tenis campuran, sepak takraw antara regu, bola jaring, bola sepak, boling padang berpasukan, memanah, karom, ping pong campuran, badminton campuran, catur, tenpin bowling, futsal, golf, go-kart, merentas kampus, trek dan padang, hoki tujuh sebelah dan skuasy campuran.

*"Temasya sukan tahunan ini sebagai persiapan awal kontinjen UUM menghadapi Kejohanan Sukan Badan Berkanun"*
*Shafferi Rejab*

"Temasya sukan tahunan ini sebagai persiapan awal kontinjen UUM menghadapi Kejohanan Sukan Badan Berkanun pada 24 Jun hingga 2 Julai yang dianjur Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA Ke-38," katanya.

Mesyuarat MKSK Bilangan 4, 2012 yang dipengerusi Naib Canselor bersetuju nama kontinjen dikekal berpandukan ikon sukan iaitu Mokhtar Dahari (bola sepak), Misbun Sidek (badminton), Jegathesan (olahraga), Nurul Huda (renang) dan Nicol David (skuasy).

"Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak juga bersetuju melantik lima profesor mengetuai kontinjen menyelaras sukan itu."

Mereka membabitkan Prof Dr Ku Ruhana Ku Mahamud (Mokhtar Dahari), Prof Dr Abdul Razak Yaakub (Misbun Sidek), Prof Dr Dzulkhairi Md Dahalin (Jegathesan), Prof Dr Nur Adiana Hiau Abdullah (Nurul Huda) dan Prof Dr Zurni Omar (Nicol David).

Sementara itu, pada kejohanan edisi lalu, Nurul Huda dinobat juara keseluruhan selepas mengumpul 390 markah, tempat kedua, Mokhtar Dahari (342) dan ketiga, Jegathesan (317).

Ketua Kontinjen Nurul Huda, Dr Nur Adiana melahirkan keyakinan pasukannya akan mempertahankan status juara.

"Saya yakin kami akan mengekalkan kejuaraan kerana barisan atlet yang ada adalah mereka yang mewakili universiti.

"Saya harap atlet Nurul Huda mengekalkan semangat, terus berjuang dan sama-sama kita meraih kecemerlangan," katanyadi Pusat Sukan, baru-baru ini.

Powered by: MediaBanc
Be informed